



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN: 5/2006**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan mengenai peraturan:

**“PENYAMBUNGAN
PERKHIDMATAN SEBULAN KE SEBULAN”**

A. Perkhidmatan Sebulan Ke Sebulan (SKS) “Tidak Berhad” mencakupi pegawai/kakitangan berikut:

- (i) Pegawai perempuan bukan graduan yang berkahwin di dalam Bahagian II dan ke atas.
- (ii) Pegawai/kakitangan perempuan yang berkahwin di dalam Bahagian-Bahagian III, IV dan V.
- (iii) Pegawai/kakitangan terdiri daripada Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

Istilah “Tidak Berhad” dengan pengertian penyambungan SKS secara automatik, diubah kepada “Tempoh Dibaharui Dengan Sendirinya - TDDS”.

B. Perkhidmatan SKS “Berhad” masih diteruskan. Penyambungan SKS bertempoh bagi tujuan pengawasan tertentu dikenakan kepada pegawai/kakitangan berikut:

- (i) Pegawai/kakitangan lelaki dan perempuan yang diambil berkhidmat semula selepas bersara cukup umur 55 tahun diberikan SKS satu (1) tahun. 4.



- 2 -

- (ii) Pesara bekas askar/polis/wadar.
 - (a) Pegawai/kakitangan berumur 55 tahun ke atas diberikan SKS satu (1) tahun.
 - (b) Pegawai/kakitangan belum mencapai umur 55 tahun di berikan SKS tidak melebihi lima (5) tahun.
- (iii) Pegawai/kakitangan perempuan yang berkahwin yang belum lulus peperiksaan yang dipersyaratkan diberikan SKS satu (1) tahun atau tempoh bersesuaian yang melebihi satu (1) tahun yang dapat menepati objektif pengawasan.
- (iv) Pegawai lelaki/perempuan luar negeri yang isteri/suami berkhidmat secara kontrak dengan Kerajaan boleh diberikan SKS sehingga akhir kontrak atau mengikut sokongan bagi satu tempoh yang kurang dari tempoh kontrak suami/isteri.
- (v) Pegawai perempuan luar negeri yang suaminya bekerja di Negara ini bukan dengan Kerajaan diberikan SKS satu (1) tahun.

Penyambungan diperbaharui setiap tahun atau menurut tempoh SKS.

Istilah "Berhad" yang bermaksud penyambungan bertempoh diubah kepada "Tempoh Dibaharui Dengan Permohonan - TDDP.

C. Tatacara Perlaksanaan

- (i) Semua permohonan BAHARU Perkhidmatan SKS-TDDS dan TDDP untuk dihadapkan seperti biasa untuk pertimbangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- (ii) Sokongan penyambungan SKS-TDDP untuk dihadapkan seperti biasa untuk pertimbangan Suruhanjaya Pekhormatan Awam 4 bulan sebelum tempoh SKS mansuh .



- 3 -

- (iii) Sokongan Kementerian/Jabatan untuk tidak meneruskan Perkhidmatan SKS-TDDS atau TDDP dihadapkan untuk pertimbangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- (iv) Kementerian/Jabatan untuk menghadapkan rekod pengemaskinian berkala mengenai pegawai/kakitangan SKS-TDDS.

Peraturan ini semata-mata untuk memperkesakan pentadbiran penyambungan SKS tanpa melibatkan perubahan kepada status SKS sebagai perkhidmatan sementara dan dasar utama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kepentingan pemegang-pemegangnya.

Peraturan ini mula berkuatkuasa **1 Februari 2006**.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

(PG DATO PADUKA HJ ABD HAMID BIN PG HJ MOHD YASSIN)

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (05) JPM/SK/2006
Tarikh : 2 Muharam 1427
1 Februari 2006



PEMBAHAGIAN:

Yang Mulia

Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan;
Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan), Kementerian Pertahanan;
Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan;
Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan;
Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan;
Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan;
Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;
Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama;
Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan;
Setiausaha Tetap (Teknikal dan Professional) Kementerian Pembangunan;
Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan;
Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan;